

RUJ. KAMI (OUR REF.)  
RUJ. TJAN (YOUR REF.)

UMP.02/01/10.12/2 ( 13 )

1 Mac 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan  
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar  
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL.3 TAHUN 2010 : KEMUDAHAN  
KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ke-38 Bil. 2/2010 yang bermesyuarat pada 9 Februari 2010 telah bersetuju supaya Kemudahan Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan diterima pakai dan dilaksanakan kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil.3 Tahun 2010 mengenai Kemudahan Keahlian Kelab Rekreasi Dan Sukan untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,



**(HARYANI BINTI ABDULLAH)**  
b.p Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

s.k

YH Dato' Naib Canselor  
Timbalan-Timbalan Naib Canselor

## PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 3 TAHUN 2010

---

### KEMUDAHAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN

#### TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai peraturan kemudahan keahlian kelab rekreasi dan sukan bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Universiti Malaysia Pahang (UMP) agar selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 2007.

#### LATARBELAKANG

2. Kerajaan telah menyediakan kemudahan keahlian kelab rekreasi dan sukan kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan Dan Profesional sejak tahun 1992 dan peraturannya telah dikemaskini melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 Tahun 2007.
3. Dalam usaha meningkatkan interaksi pegawai-pegawai UMP dengan rakan sejawat di sektor awam/swasta, pihak pengurusan UMP dalam mesyuaratnya pada 9 Februari 2010 telah bersetuju supaya kemudahan keahlian kelab rekreasi dan sukan diterima pakai dan dilaksanakan kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional di UMP.

#### PERATURAN KEMUDAHAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN

4. Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang tugasnya memerlukan interaksi dengan rakan sejawat di sektor awam/swasta dibenarkan membuat tuntutan bagi bayaran/**yuran masuk** menjadi ahli sesebuah kelab rekreasi dan sukan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Tuntutan yang dibenarkan adalah bayaran/yuran masuk terhad kepada **had maksimum RM4,000.00** dan selebihnya hendaklah ditanggung oleh pegawai sendiri;
- (b) Bayaran/yuran masuk adalah untuk keahlian individu sahaja, bukan berbentuk saham dan keahlian tidak boleh dipindahmilik;
- (c) Pegawai hendaklah dilantik di bawah Sistem Saraan Baru dan Sistem Saraan Malaysia;
- (d) Suami/Isteri yang layak boleh membuat tuntutan yang berasingan;
- (e) Kemudahan hanya **sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan** dengan Kerajaan dan hendaklah direkod dalam Buku Rekod Perkhidmatan;
- (f) Jabatan Pendaftar akan menyimpan daftar keahlian kelab rekreasi dan sukan yang dianggotai oleh pegawai Universiti;
- (g) Kemudahan adalah terhad kepada kelab rekreasi dan sukan **dalam negara sahaja**;
- (h) Borang tuntutan hendaklah dilengkapkan dan dilampirkan dengan **resit** sebenar. Borang hendaklah disokong oleh Jabatan Pendaftar dan diluluskan oleh Naib Canselor atau Pegawai Yang Diberi Kuasa;
- (i) Borang tuntutan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan Bendahari untuk tujuan pembayaran dan tuntutan hendaklah tidak melangkaui tahun.

5. Kelab rekreasi dan sukan yang dibenarkan di bawah kemudahan ini hendaklah memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) Kelab tersebut ditubuhkan secara sah di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) atau Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan pindaan-pindaannya;
- (b) Keahlian kelab terbuka kepada umum terutama bagi Pegawai Kerajaan dan eksekutif swasta;
- (c) Kelab menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan sukan seperti golf, tenis, kolam renang, gimnasium, perpustakaan, rumah rehat, bilik teater dan sebagainya; dan
- (d) Kelab mempunyai premis untuk beroperasi.

6. Dalam mempertimbangkan permohonan kemudahan kelab rekreasi dan sukan kepada pegawai, permohonan yang layak adalah tertakluk kepada syarat-syarat di atas di samping kepentingan pegawai menganggotai kelab rekreasi dan sukan yang **beresuaian dengan visi dan misi UMP**.
7. Borang Tuntutan Bayaran Balik Bagi Kemudahan Keahlian Kelab Rekreasi Dan Sukan Universiti Malaysia Pahang adalah seperti di lampiran.

#### **TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2010**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**Saya yang menjalankan tugas,**

  
**(HAJJ MUSTAFA BIN IBRAHIM)**  
**PENDAFTAR**

Tarikh :

**Edaran Kepada.:**

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah / Ketua Jabatan

**Salinan kepada.:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP3\_2010



**BORANG TUNTUTAN BAYARAN BALIK BAGI  
KEMUDAHAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN**

MAKLUMAT PEGAWAI YANG MEMOHON			
Nama			
No Kad Pengenalan		No Staf	
Jawatan			
Gred/Kumpulan			
Tarikh Lantikan		Tarikh Disahkan Dalam Perkhidmatan	
Jabatan/Bahagian			
MAKLUMAT KELAB REKREASI DAN SUKAN			
Nama Kelab			
Alamat Kelab			
No Telefon		No. Faksimili	
Senarai Kemudahan			
No Pendaftaran Kelab		Tarikh Pendaftaran Keahlian	
No. Keahlian		Jumlah Bayaran Masuk	
		No Resit	
Tujuan Keahlian			
PERAKUAN			
<p>Saya mengaku bahawa:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Semua butir-butir tuntutan yang dinyatakan di atas adalah benar;</li> <li>Saya belum pernah menuntut kemudahan ini daripada Universiti atau Agensi Kerajaan yang lain bagi bayaran / yuran masuk keahlian kelab rekreasi dan sukan.</li> </ol>			
Tarikh : .....		Tandatangan Pemohon : .....	
		Nama : .....	

**SOKONGAN KETUA JABATAN**

Saya menyokong / tidak menyokong permohonan ini dan mengesahkan bahawa keahlian kelab ini adalah sangat mustahak dan bersesuaian dengan tugas pegawai ini.

Tarikh : .....

Tandatangan : .....

Nama dan Jawatan : .....

**PENGESAHAN PENDAFTAR**

Saya mengesahkan bahawa permohonan ini;

(a) mematuhi peraturan dan kelayakan pegawai dan disyorkan untuk kelulusan,

(b) tidak memenuhi syarat dan peraturan dan disyorkan untuk ditolak kerana:

.....

Tarikh: .....

Tandatangan : .....

Nama dan Jawatan : .....

**KELULUSAN NAIB CANSELOR**

Permohonan ini diluluskan/tidak diluluskan.

Tarikh: .....

Tandatangan : .....

Nama dan Jawatan : .....